

02/12/1998

100 lagi pesawat Aerotiga akan dieksport ke Amerika

SUBANG, Selasa - Malaysia menjadi negara pertama Asia mengeksport pesawat buatan sendiri ke Amerika Syarikat dan negara kelima dunia yang berbuat demikian.

Malah, dalam tempoh tiga tahun lagi sebanyak 100 pesawat "Aerotiga" Malaysia dijangka dieksport ke negara berkenaan.

Petang ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, diberi penghormatan melancarkan majlis mengeksport dua pesawat terbang dua kerusi Malaysia "Aerotiga" SME MD3-160 ke Amerika Syarikat.

Berucap di majlis berkenaan, Dr Mahathir menganggap langkah itu sebagai satu lagi tanda kejayaan Malaysia dalam sejarah industri negara.

"Malaysia sudah menyertai banyak industri yang menghasilkan kejayaan termasuk industri automotif, walaupun ramai yang meragui kemampuan negara dalam mengeluarkan kenderaan auto," katanya.

Perdana Menteri berkata, rakyat mesti memastikan industri pembuatan pesawat mencapai kejayaan dengan menghasilkan pesawat yang memenuhi mutu yang ditetapkan.

"Kini, kita mengeluarkan pesawat dan ia adalah sangat berbeza daripada pengeluaran kereta dan automobil kerana jika ia gagal, akibatnya adalah sangat serius.

"Kita perlu jitu, sangat tepat dan mengekalkan standard yang sangat tinggi," katanya.

Beliau menyarankan pengeluar mengekalkan kualiti tertinggi pesawat itu bagi memastikan keberkesanannya dapat diteruskan.

Dr Mahathir turut meminta masyarakat negara ini membangunkan budaya mengekal penyelenggaraan pesawat.

"Jika pengilang pesawat tempatan boleh menjaga pesawat mereka supaya boleh digunakan untuk tempoh yang lama, baru mereka boleh berkata yang mereka telah menguasai seni menjaga peralatan canggih seperti itu," katanya.

Sebagai contoh, katanya, ketika di United Kingdom tahun lalu, beliau nampak pesawat lama berada dalam keadaan baik dan masih digunakan berikutan proses penyelenggaraan yang baik.

"Ini menunjukkan sejauh mana mereka sayangkan pesawat terbang. Ini hasil budaya yang kita belum lagi perolehi.

"Jika kita mahu menjadi sebuah negara maju, kita perlu mendapat dan membangunkan budaya ini," katanya.

Pada sidang media selepas itu, Dr Mahathir berkata, untuk menjadi negara maju, rakyat mesti memupuk budaya memelihara dan menyelenggara harta mereka seperti pesawat dan bangunan dengan baik supaya mutunya dapat dikekalkan.

(END)